

HEDONISME MODEN DAN KRISIS TUJUAN HIDUP: ANALISIS MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Oleh:

Mohamad Faizal bin Abd Rahman
Jabatan Usuluddin,
Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial,
Universiti Sultan Azlan Shah

Abstrak

Hedonisme pada masa kini telah berkembang daripada sekadar wacana teori kepada budaya yang mempengaruhi gaya hidup masyarakat kontemporari dengan penekanan terhadap hiburan, keseronokan dan kepuasan diri sebagai ukuran utama kehidupan. Fenomena ini telah menimbulkan krisis dalam memahami tujuan hidup manusia. Makalah ini bertujuan untuk meneliti implikasi hedonisme moden terhadap krisis tujuan hidup serta menganalisis perspektif Islam sebagai penyelesaian kepada permasalahan tersebut. Metodologi kajian ini adalah kajian kualitatif dengan pengumpulan data melalui rujukan al-Quran, Hadith, karya-karya ulama serta teks falsafah dan dianalisis menggunakan analisis konseptual serta perbandingan berasaskan pendekatan *al-naqd wa al-taqwim*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa perbezaan antara Islam dan hedonisme moden berpunca daripada perbezaan asas dalam memahami hakikat manusia dan tujuan kehidupan. Kajian ini juga mendapati bahawa Islam tidak menolak keseronokan tetapi mengikatnya dengan prinsip syariah. Selain itu, konsep kebahagiaan dalam Islam berasaskan ketakwaan dan hubungan dengan Allah SWT manakala hedonisme moden berasaskan kepuasan kebendaan yang bersifat sementara. Kesimpulannya, Islam menawarkan makna kebahagiaan yang lebih menyeluruh dan berpanjangan kerana ia berteraskan keimanan, ketakwaan dan nilai kerohanian.

Kata kunci: Hedonisme; Moden; Krisis; Tujuan Hidup; Perspektif Islam

Pengenalan

Pada era globalisasi yang bergerak pantas, kehidupan manusia moden sedang berubah tanpa disedari. Teknologi yang memudahkan, media sosial yang mendekatkan dan industri hiburan yang tidak pernah berhenti telah membentuk semula cara manusia melihat dunia, bahkan cara manusia memahami dirinya sendiri. Namun di sebalik segala kemajuan ini, tersimpan satu persoalan yang semakin mendesak untuk direnungkan dengan hati, ke manakah sebenarnya arah kehidupan manusia sedang dibawa.

Hedonisme tidak lagi hadir sebagai suatu gagasan yang dibincangkan dalam ruang teori semata-mata malah ia telah menjelma menjadi norma, bahkan menjadi budaya yang tidak lagi terasa asing. Hiburan menjadi teman yang tidak pernah jauh, kesenangan menjadi ukuran kejayaan dan kepuasan diri tanpa batas menjadi arah yang tidak lagi dipersoalkan dengan mendalam. Apabila diperhatikan lanskap budaya masyarakat hari ini seakan-akan ruang hiburan semakin melebar, sementara ruang renungan semakin mengecil. Dalam kesibukan manusia moden membina kemajuan, muncul tanda-tanda yang halus tetapi jelas bahawa budaya hedonisme sedang meresap masuk ke dalam denyut kehidupan sosial tanpa banyak disedari.

Sebagai contoh, penganjuran acara hiburan berskala besar seperti Rain Rave Water Music Festival 2026, (Sanusi, 2026) yang memperlihatkan bentuk hiburan yang kian menjauh daripada batas kesederhanaan dan tidak lagi sekadar ruang rekreasi yang bersifat sementara tetapi telah berubah menjadi cerminan kepada kecenderungan menikmati sensasi hiburan yang melampaui. Pada masa yang sama, generasi muda khususnya kelihatan semakin akrab dengan dunia hiburan global yang menjadikan keseronokan sebagai bahasa utama dalam membina gaya hidup. Bahkan di ruang yang lebih dekat dengan dunia ilmu, institusi pendidikan sendiri tidak terlepas daripada kekusaran apabila beberapa pementasan teater universiti dikatakan mula menyelitkan unsur hiburan yang bebas tanpa kawalan yang sewajarnya, sehingga garis antara adab dan keterbukaan menjadi semakin sukar dibezakan (Hisham, 2026). Dalam keseluruhan gambaran ini, timbul satu renungan yang tidak dapat dielakkan, apakah yang sedang dibentuk dalam jiwa manusia apabila ruang hiburan menjadi ruang yang paling dominan dalam membentuk nilai dan arah hidupnya?

Islam tidak pernah diutus untuk memadamkan cahaya kegembiraan dalam kehidupan manusia. Bahkan agama ini datang dengan penuh hikmah, mengiktiraf fitrah insan yang mencintai keindahan, merindui ketenangan dan mendambakan kebahagiaan dalam menjalani kehidupan di dunia. Islam tidak menolak hiburan yang sihat, tidak mengharamkan rehat yang menenangkan, bahkan tidak menutup pintu bagi manusia untuk menikmati nikmat dunia yang Allah SWT kurniakan, selagi semuanya terikat dalam neraca keseimbangan dan tidak melalaikan hati daripada tanggungjawab pengabdian kepada-Nya. Namun di sebalik kelonggaran itu, Islam tetap membawa satu penegasan yang halus tetapi mendalam kesannya ke dalam jiwa bahawa

kebahagiaan tidak boleh terpisah daripada makna dan kesenangan tidak wajar dibiarkan menjadi penguasa yang mengikat hati manusia hingga lupa kepada tujuan asal penciptaannya.

Oleh itu, perbincangan tentang hedonisme dan krisis tujuan hidup ini tidak wajar dipandang sekadar sebagai satu analisis akademik sahaja, sebaliknya juga sebagai sebuah peringatan yang lembut tetapi mendalam tentang arah yang sedang diambil oleh manusia moden tanpa selalu disedari oleh kesedaran dirinya sendiri. Sehubungan itu, artikel ini berhasrat untuk meneliti konsep dan implikasi hedonisme moden terhadap krisis tujuan hidup masyarakat kontemporari serta perspektif Islam dalam menjelaskan tujuan hidup manusia sebagai solusi terhadap krisis tersebut.

Metodologi Kajian

Kajian ini berbentuk kualitatif. Pengumpulan data dalam kajian ini menggunakan kaedah dokumentasi. Kaedah dokumentasi yang digunakan adalah dengan melibatkan pembacaan konsep hedonisme dan tujuan hidup secara mendalam dengan merujuk kepada sumber primer termasuk al-Quran, Hadith, karya ulama klasik dan kontemporari serta teks-teks falsafah. Data dianalisis secara konseptual (*conceptual analysis*) dan analisis perbandingan (*comparative analysis*) yang membandingkan kerangka hedonisme dengan kerangka Islam secara sistematik menggunakan kaedah *al-naqd wa al-taqwim* (kritik dan penilaian) dalam tradisi keilmuan Islam.

Konsep Hedonisme Moden

Secara etimologi, istilah hedonisme berasal daripada perkataan Yunani, iaitu "*hedone*" yang membawa maksud keseronokan atau kenikmatan. Manakala perkataan "*isme*", dijelaskan dalam Kamus Dewan sebagai akhiran asing yang merujuk kepada fahaman, kepercayaan, gerakan politik atau keagamaan, sikap dan perlakuan tertentu (Pustaka, 2010). Dalam konteks falsafah, hedonisme merujuk kepada suatu fahaman yang meletakkan keseronokan sebagai nilai tertinggi dan matlamat utama dalam kehidupan manusia. Fahaman ini berpandangan keseronokan dianggap sebagai perkara yang paling baik, manakala kesakitan pula dianggap sebagai perkara yang buruk (Crisp, 2006). Hedonisme juga diertikan sebagai kepuasan rasa dan kenikmatan yang menjadi ukuran tingkah laku sesuatu perbuatan yang baik. (Din, 1990). Oleh itu, Perkataan hedonisme sering diertikan sebagai satu pegangan hidup yang meletakkan keseronokan dan kesenangan duniawi sebagai perkara yang paling utama dalam kehidupan manusia, sehingga nilai dan arah hidup akhirnya diukur berdasarkan sejauh mana seseorang mampu menikmati kepuasan dan kelazatan dalam perjalanan kehidupannya.

Hedonisme moden pada hari ini tidak lagi terbatas sebagai suatu gagasan falsafah yang hanya dibahaskan dalam ruang akademik semata-mata, bahkan ia telah berkembang menjadi satu bentuk budaya hidup yang meresap masuk ke dalam pelbagai sisi kehidupan manusia moden, lalu perlahan-lahan membentuk cara

manusia berfikir, menilai kebahagiaan dan memahami tujuan hidupnya sendiri. Guy Debord melalui karyanya *The Society of the Spectacle* (Debord, 2014) menjelaskan bahawa kehidupan moden telah berubah menjadi suatu bentuk “tontonan” (*spectacle*), iaitu keadaan apabila pengalaman sebenar manusia semakin digantikan dengan representasi dan imej. Jika dilihat dari sudut realiti zaman kini, khususnya dalam era media sosial yang membentuk sebahagian besar cara manusia melihat dunia dan dirinya sendiri. Platform digital seperti Tiktok, Facebook, Instagram dan Threads seakan-akan dibina untuk memastikan perhatian manusia terus terikat tanpa henti, melalui aliran kandungan yang menawarkan kegembiraan segera dan rangsangan emosi yang berulang-ulang.

Tambahan lagi, hedonisme moden juga telah meletakkan keseronokan sebagai asas utama dalam menentukan makna dan tujuan kehidupan manusia. Dalam kerangka pemikiran seperti ini, nilai sesuatu tindakan tidak lagi dirujuk kepada wahyu, tidak lagi berpaut kepada agama, tidak lagi ditimbang dengan akal yang sejahtera, mahupun disandarkan kepada ukuran moral yang bersifat tetap, sebaliknya semuanya diukur berdasarkan tahap kepuasan dan keseronokan yang dirasakan oleh individu secara subjektif. Penekanan yang melampau terhadap keseronokan telah menimbulkan kekeliruan yang halus tetapi mendalam dalam menilai perkara baik dan buruk. Pertimbangan moral tidak lagi ditanya sama ada sesuatu prinsip itu benar atau salah, tidak lagi menimbang halal atau haram, tidak lagi melihat kesan jangka panjang terhadap jiwa, akhlak dan kehidupan masyarakat tetapi lebih tertumpu kepada soalan adakah ia menyeronokkan atau tidak.

Natijahnya, perkara yang merosakkan akhlak dan menghakis nilai kemanusiaan boleh diterima, sekiranya ia memberi kepuasan segera kepada diri individu. Sebaliknya, perkara yang membawa kebaikan jangka panjang tetapi memerlukan kepada kesabaran, disiplin dan pengorbanan, sering kali dipandang sepi kerana tidak menawarkan keseronokan yang segera. Bahkan pandangan Friedrich Nietzsche dalam karyanya *Beyond Good and Evil* memperkukuhkan lagi kegusaran terhadap kecenderungan hidup yang terlalu dipusatkan pada keseronokan. Beliau mengkritik hedonisme sebagai cerminan pemikiran yang lahir daripada jiwa yang cenderung mencari keselesaan, berbanding berani menempuh kesukaran demi mencapai keunggulan dan kekuatan diri. Dalam erti kata lain, kehidupan yang terlalu tunduk kepada keinginan untuk menikmati keseronokan dilihat akan melemahkan daya juang manusia, sehingga menghalang mereka daripada berkembang menuju potensi yang lebih tinggi dan bermakna (Nietzsche, 1966).

Hedonisme dan Kesannya terhadap Kehidupan Sosial dan Tamadun Manusia

Dalam karya agung Muqaddimah, Ibn Khaldun telah mengemukakan teori mengenai hubungan antara kemewahan, hedonisme dan kejatuhan sesebuah tamadun. Menurut beliau, apabila sesuatu peradaban mencapai tahap kemewahan yang tinggi, masyarakatnya cenderung menjadi lalai, terlalu mengejar kesenangan dan akhirnya kehilangan *‘asabiyyah* iaitu semangat kekitaan. Keadaan kemewahan melampau ini

yang beliau istilahkan sebagai *al-taraf* (الترف), akhirnya membawa kepada kemerosotan dalaman yang tidak dapat dielakkan sehingga menyebabkan keruntuhan tamadun tersebut. Apabila ikatan ini semakin longgar, masyarakat tidak lagi berdiri di atas kekuatan bersama tetapi mula terpecah oleh kepentingan dan kecenderungan masing-masing yang semakin dipengaruhi oleh keselesaan hidup (Khalidun, 2002).

Perkara ini menunjukkan fasa kemewahan yang melampau merupakan isyarat awal kepada kemerosotan dalaman sesebuah tamadun. Kehidupan yang terlalu selesa dan dibaluti kemewahan secara tidak disedari melahirkan masyarakat yang semakin lemah dari sudut ketahanan jiwa, semakin rendah daya juang dan semakin tidak bersedia untuk menghadapi kesukaran serta ujian kehidupan. Akhirnya, keruntuhan tidak lagi bermula daripada serangan luar tetapi tumbuh dari dalam diri masyarakat itu sendiri yang telah kehilangan kekuatan dalaman untuk mempertahankan kelangsungan kehidupan.

Apabila direnung dalam konteks dunia moden, ia tidak lagi sekadar berdiri sebagai catatan sejarah tetapi seakan-akan sedang menunjukkan realiti semasa dengan cukup jelas telah berlaku. Tanda-tanda yang sama mula kelihatan dalam bentuk masyarakat yang semakin bergantung kepada keselesaan, mudah terikat dengan hiburan, serta semakin goyah dalam aspek ketahanan jiwa dan moral. Dalam kerangka ini, pernyataan daripada Ibn Khalidun memperlihatkan bahawa hedonisme bukan sekadar kecenderungan individu terhadap keseronokan tetapi merupakan suatu gejala sosial yang mampu mengakis kekuatan dalaman masyarakat, lalu secara perlahan mengancam kelangsungan tamadun apabila asas kekuatannya mula rapuh dari dalam tanpa disedari.

Selari dengan perbincangan tersebut, dapatan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia turut memperlihatkan gambaran yang seiring dengan fenomena tekanan sosial dan psikologi dalam kalangan remaja masa kini yang berpunca daripada hedonisme. Laporan menunjukkan peningkatan kes cubaan bunuh diri dalam kalangan remaja dari tahun ke tahun yang mencerminkan tahap kesihatan mental generasi muda yang semakin membimbangkan. Statistik yang sama turut merekodkan bahawa sekitar 29.9% remaja berumur 13 hingga 17 tahun mengalami simptom kemurungan, manakala 37% mengalami simptom kebimbangan yang berpanjangan. Lebih serius lagi, 9% remaja dilaporkan pernah merancang untuk membunuh diri dan 6.9% pernah mencuba melakukannya sekurang-kurangnya sekali, sekali gus menunjukkan tahap tekanan psikologi yang semakin kritikal dalam kalangan golongan muda (Hahsim, 2025).

Perkara ini disebabkan oleh gaya hidup yang terlalu bergantung kepada penilaian luaran menyebabkan remaja cenderung menilai harga diri berdasarkan rupa paras, pakaian, kemewahan serta jumlah pengikut di media sosial. Tambahan lagi, kekeliruan

dalam sistem nilai dalam kalangan remaja tidak wajar dipandang ringan kerana ketidakjelasan pegangan nilai hidup boleh menyebabkan mereka mudah terpengaruh oleh arus yang melemahkan kekuatan dalaman. Tanpa bimbingan dan sokongan yang sewajarnya, golongan ini cenderung terus mencari makna kehidupan sehingga berisiko terjerumus ke dalam keadaan kekosongan jiwa yang memberi kesan emosi yang mendalam (Hahsim, 2025).

Secara kesimpulannya, hedonisme moden bukan lagi sekadar budaya hiburan yang sementara tetapi secara perlahan membentuk cara manusia menilai diri, memahami kebahagiaan dan menentukan arah hidupnya. Apabila keseronokan dijadikan ukuran utama kehidupan, manusia semakin mudah kehilangan ketahanan jiwa, lalu terperangkap dalam kekosongan jiwa. Selain itu, keadaan ini turut menghakis kekuatan sosial dan melemahkan keteguhan sesebuah tamadun apabila manusia semakin lupa kepada nilai tanggungjawab, adab dan tujuan hidup yang sebenar. Sudah pasti akan menjadi kegusaran yang paling patut difikirkan bahawa sesuatu masyarakat kadangkala tidak runtuh kerana tidak mencapai kemajuan tetapi kadangkala runtuh kerana terlalu lama tenggelam dalam keseronokan hingga kehilangan arah hidup dan ketenangan jiwa. Keadaan ini berlaku apabila kemajuan mula ditafsirkan secara sempit, seolah-olah kemewahan, hiburan tanpa batas dan kepuasan diri menjadi tanda utama kejayaan kehidupan manusia. Sedangkan hakikat kemajuan yang sebenar tidak hanya terletak pada keselesaan yang zahir tetapi juga pada kekuatan moral, keluasan ilmu dan keteguhan jiwa dalam menghadapi kehidupan. Apabila hedonisme dijadikan ukuran utama dalam menilai kebahagiaan dan kejayaan, masyarakat perlahan-lahan akan mengalami kekeliruan nilai, lalu semakin jauh daripada memahami makna kemajuan yang sebenar dalam pembinaan manusia secara menyeluruh.

Perspektif Islam terhadap Tujuan Hidup sebagai Penyelesaian Menyeluruh

Dalam perspektif Islam, tujuan hidup manusia tidak dibataskan sekadar untuk mengejar keseronokan atau memenuhi kepuasan duniawi semata-mata kerana kehidupan insan dilihat dalam kerangka yang jauh lebih luas dan mendalam iaitu sebagai makhluk yang diciptakan dengan tujuan pengabdian kepada Allah SWT serta memikul amanah sebagai khalifah di bumi-Nya. Oleh itu, perbincangan tentang penyelesaian terhadap krisis kehidupan tidak boleh dipisahkan daripada kefahaman terhadap beberapa asas penting dalam ajaran Islam iaitu hakikat manusia, konsep *al-'ubudiyyah* sebagai tujuan kewujudan dan konsep *al-sa'adah* yang menjelaskan makna kebahagiaan yang sebenar menurut Islam.

Hakikat Manusia dalam Pandangan Islam

Islam terlebih dahulu membawa manusia untuk memahami satu persoalan yang paling asas tetapi sering dilupakan dalam kesibukan kehidupan moden, iaitu siapakah sebenarnya manusia itu sendiri. Di sinilah terletak perbezaan yang sangat mendasar antara pandangan Islam dan fahaman hedonisme kerana cara manusia memahami tujuan hidup sangat bergantung kepada bagaimana dia memahami

hakikat dirinya. Jika manusia melihat dirinya sekadar makhluk yang hidup untuk memenuhi keinginan dan keseronokan dunia, maka seluruh arah kehidupannya juga akan dibina di atas asas tersebut. Namun Islam memandang manusia dengan pandangan yang jauh lebih dalam dan mulia. Al-Quran menjelaskan bahawa manusia diciptakan dengan dua dimensi utama iaitu jasmani dan rohani. Tubuh manusia berasal daripada tanah liat yang melambangkan unsur fizikal, sementara roh yang ditiupkan oleh Allah SWT menjadi tanda bahawa manusia bukan sekadar makhluk jasad yang hidup dengan makan, tidur dan berkeinginan semata-mata tetapi juga makhluk yang mempunyai unsur kerohanian yang memiliki hubungan dengan Tuhan. Firman Allah SWT:

إِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي خَالِقٌ بَشَرًا مِّن طِينٍ ﴿٧١﴾ فَإِذَا سَوَّيْتُهُ وَنَفَخْتُ فِيهِ مِن رُّوحِي فَقَعُوا لَهُ سَاجِدِينَ ﴿٧٢﴾

"Dan ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat: Sesungguhnya Aku akan menciptakan manusia dari tanah liat. Maka apabila telah Aku sempurnakan kejadiannya dan Aku tiupkan ke dalamnya roh daripada-Ku, maka hendaklah kamu sujud kepadanya." (Surah Sad 38: 71-72).

Di sinilah letaknya jawapan kepada kegelisahan manusia moden bahawa jiwa manusia tidak akan pernah benar-benar tenang apabila seluruh kehidupannya hanya dipenuhi untuk memenuhi tuntutan jasmani, sedangkan rohnya dibiarkan kosong dan jauh daripada Penciptanya iaitu Allah SWT. Roh yang berasal daripada Allah SWT memerlukan "makanan" yang berbeza, iaitu melalui hubungan dengan Allah SWT, penghayatan terhadap nilai-nilai kerohanian serta pencarian makna hidup yang melangkaui keperluan dunia semata-mata.

Syed Muhammad Naquib al-Attas dalam *The Concept of Education in Islam* (1991) memperluaskan lagi konsep fitrah dengan menjelaskan bahawa pendidikan Islam pada asasnya merupakan proses *ta'dib*, iaitu proses membentuk adab dan mengembalikan manusia kepada fitrah asal yang suci. Menurut beliau, krisis tamadun Barat moden berlaku akibat "kehilangan adab" (*loss of adab*), iaitu keadaan apabila manusia gagal memahami dan meletakkan sesuatu pada kedudukan yang sebenar. Hal ini termasuk kegagalan memahami bahawa tujuan hidup manusia sepatutnya berpandukan wahyu Allah SWT, bukannya ditentukan secara subjektif berdasarkan kehendak dan pandangan manusia semata-mata (Al-Attas, 1991).

Justeru, pernyataan ini menunjukkan bahawa krisis jiwa dan kekeliruan hidup manusia moden berpunca daripada kegagalan memahami hakikat diri dan tujuan hidup yang sebenar menurut panduan wahyu. Apabila kehidupan hanya tertumpu kepada keperluan duniawi dan kehendak diri tanpa pengisian rohani serta adab yang betul, manusia akan kehilangan ketenangan, arah hidup dan makna kewujudan yang sebenar.

Al-'Ubudiyyah sebagai Tujuan Kewujudan

Konsep yang paling utama dalam Islam ketika membicarakan tentang tujuan hidup manusia ialah konsep *al-'Ubudiyyah*, iaitu penghambaan diri sepenuhnya kepada Allah SWT. Firman Allah SWT:

﴿وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ﴾

"Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka beribadah kepada-Ku." (Surah al-Zariyat 51: 56)

Namun begitu, konsep *al-'Ubudiyyah* tidak boleh difahami secara sempit sebagai sekadar melakukan ibadah seperti solat, puasa, zakat dan haji sahaja. Imam Al-Ghazali dalam karya agungnya *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* menerangkan bahawa penghambaan yang sebenar melibatkan keseluruhan kehidupan manusia bermula dengan ibadah zahir melalui amalan agama yang dilakukan oleh anggota badan dan lisan, disempurnakan dengan ibadah batin melalui penyucian jiwa dan keikhlasan hati, lalu diterjemahkan pula kepada ibadah dalam interaksi sosial dan pembinaan peradaban (al-Ghazali, 2005). Ketiga-tiga perkara ini saling melengkapi antara satu sama lain sehingga membentuk suatu cara hidup Islam yang menyeluruh yang bukan sahaja menghubungkan manusia dengan Allah SWT tetapi juga mendidik manusia untuk hidup dengan makna, adab dan tanggungjawab terhadap kehidupan di dunia ini.

Konsep *al-'Ubudiyyah* pada hakikatnya memberikan jawapan yang sangat mendalam terhadap kelemahan fahaman hedonisme. Manusia yang menjadikan keseronokan sebagai matlamat utama kehidupan sering menyangka dirinya sedang menikmati kebebasan, sedangkan tanpa disedari dia sebenarnya sedang diperhambakan oleh hawa nafsunya sendiri. Semakin manusia tunduk kepada keinginan yang tidak terbatas, semakin kuat dirinya terikat kepada perkara-perkara luaran yang sentiasa berubah dan tidak pernah benar-benar memuaskan hati. Dalam keadaan seperti ini, manusia kelihatan bebas pada lahirnya tetapi jiwanya sentiasa bergantung kepada sesuatu di luar dirinya untuk merasa bahagia dan bernilai.

Sebaliknya, apabila *al-'Ubudiyyah* dijadikan asas dan tujuan hidup, manusia mula menemukan bentuk kebebasan yang sebenar. Hatinya tidak lagi diperintah oleh tuntutan hawa nafsu atau penilaian manusia kerana kebahagiaan tidak lagi dibina di atas keseronokan yang sementara tetapi lahir daripada hubungan yang dekat dengan Allah SWT serta kekuatan jiwa yang terbentuk melalui pengabdian kepada-Nya. Di sini terletak rahsia ketenangan yang sering gagal ditemukan oleh manusia moden bahawa jiwa tidak akan benar-benar bebas selagi ia masih bergantung kepada dunia untuk merasa cukup dan bahagia.

***Al-Sa'adah* dalam Islam sebagai Konsep Kebahagiaan Hakiki**

Imam al-Ghazali dalam karya *Kimia al-Sa'adah* (Kimia Kebahagiaan) menjelaskan bahawa kebahagiaan yang sebenar (*al-Sa'adah*) berbeza secara asas daripada keseronokan hedonisme. Menurut al-Ghazali, kebahagiaan ini merangkumi empat aspek yang saling berkaitan, iaitu mengenal Allah (*ma'rifat Allah*), mengenal diri (*ma'rifat al-nafs*), memahami dunia dengan betul (*ma'rifat al-dunia*) dan memahami akhirat (*ma'rifat al-akhirah*) (Al-Ghazali, 2010).

Konsep *al-Sa'adah* dalam Islam pada hakikatnya mempunyai titik persamaan dengan usaha sebahagian sarjana psikologi moden seperti Martin Seligman dan Viktor Frankl yang cuba mencari makna sebenar kebahagiaan manusia di sebalik kehidupan moden yang semakin kosong daripada makna (Frankl, 2006) (Seligman, 2011). Mereka menyedari bahawa manusia tidak akan mencapai ketenangan hanya melalui keseronokan dan kepuasan kebendaan semata-mata, bahkan memerlukan tujuan hidup, makna dan kekuatan dalaman untuk terus bertahan menghadapi kehidupan. Namun begitu, pendekatan yang dibina dalam kerangka pemikiran moden tetap dilihat belum benar-benar sempurna kerana kebahagiaan masih dibicarakan dalam batas kemampuan manusia itu sendiri tanpa asas kerohanian yang benar-benar menghubungkan jiwa dengan Tuhan.

Di sinilah Islam menawarkan satu pandangan yang lebih menyeluruh dan mendalam tentang makna kebahagiaan. Kebahagiaan dalam Islam bukan sekadar pencapaian psikologi atau kejayaan memenuhi potensi diri tetapi merupakan anugerah Allah SWT kepada hamba yang hidup selaras dengan tujuan penciptaannya. Dalam erti kata lain, kebahagiaan sejati tidak lahir hanya kerana manusia berjaya mendapatkan apa yang diinginkannya tetapi kerana hatinya berada dalam hubungan yang benar dengan Allah, lalu kehidupannya dipenuhi makna, ketenangan dan kesedaran tentang tujuan kewujudannya di dunia ini. Perkara ini selari dengan firman Allah dalam Surah *al-Ra'd* ayat 28 yang menegaskan bahawa hati akan menjadi tenang dengan mengingat Allah. Firman Allah SWT:

الَّذِينَ ءَامَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ ﴿٢٨﴾

"Ingatlah, hanya dengan mengingat Allah hati menjadi tenteram." (Surah *al-Ra'd* 13: 28)

Ayat ini menunjukkan bahawa ketenangan hati yang merupakan asas kebahagiaan manusia, tidak dapat dicapai melalui keseronokan dunia semata-mata tetapi melalui hubungan yang erat dengan Allah SWT, sekali gus menjelaskan kelemahan pendekatan hedonisme dan kekuatan penyelesaian yang ditawarkan oleh Islam.

Perbandingan Konsep Kebahagiaan menurut Islam dan Hedonisme Moden

Dalam kehidupan moden yang semakin dipengaruhi oleh budaya hedonisme, manusia sering didorong untuk melihat keseronokan dan kepuasan kebendaan

sebagai jalan utama menuju kebahagiaan. Namun di sebalik kemewahan dan hiburan yang semakin meluas, timbul persoalan yang mengusik jiwa mengapa manusia masih merasa kosong dan gelisah? Islam memandang kebahagiaan dengan kerangka yang lebih mendalam kerana manusia bukan sekadar makhluk jasmani yang hidup untuk menikmati dunia tetapi juga memiliki roh yang memerlukan ketenangan dan hubungan dengan Allah SWT. Oleh itu, perbincangan ini akan meneliti perbandingan antara konsep kebahagiaan menurut Islam dan hedonisme moden, khususnya dari sudut hubungan Islam dengan hedonisme, pengiktirafan Islam terhadap fitrah keseronokan manusia, serta perbezaan asas tentang makna kebahagiaan menurut kedua-dua perspektif tersebut.

Islam dan Hedonisme Moden

Perbezaan antara Islam dan hedonisme moden sebenarnya jauh lebih mendalam daripada sekadar perbezaan tentang moral atau gaya hidup semata-mata. Bahkan, ia berpunca daripada perbezaan asas dalam memahami hakikat kehidupan dan siapakah manusia itu sendiri. Dalam kerangka hedonisme, manusia sering dilihat sekadar sebagai makhluk yang hidup untuk mengejar keseronokan dan menghindari kesakitan, seolah-olah seluruh tujuan hidup hanya berputar pada memenuhi keinginan diri tanpa melibatkan dimensi kerohanian atau hubungan dengan Tuhan. Sedangkan Islam memandang manusia dengan pandangan yang jauh lebih mulia dan menyeluruh sebagai hamba Allah SWT, umat Nabi Muhammad SAW dan khalifah di bumi yang dipertanggungjawabkan untuk menjalani kehidupan dengan tujuan yang lebih besar daripada sekadar memenuhi tuntutan duniawi.

Perbezaan ini turut terlihat pada cara Islam dan konsep hedonisme dalam memahami sumber kebenaran dan ilmu. Hedonisme cenderung menjadikan pengalaman serta kepuasan individu sebagai ukuran utama dalam menentukan apa yang dianggap baik dalam kehidupan. Namun Islam meletakkan asas yang lebih seimbang dan terpinpin, iaitu dengan menjadikan wahyu melalui al-Quran dan Sunnah sebagai sumber utama, disertai akal (*'aql*) yang sihat untuk berfikir serta fitrah manusia yang secara semula jadi cenderung kepada kebenaran.

Wan Mohd Nor Wan Daud (1998) dalam *The Educational Philosophy and Practice of Syed Muhammad Naquib al-Attas* menghuraikan bahawa integrasi ketiga-tiga sumber pengetahuan ini adalah ciri khas epistemologi Islam yang membolehkannya menjawab persoalan tujuan hidup secara lebih komprehensif berbanding hedonisme (Daud, 1998). Di sini menunjukkan perbezaan Islam dengan hedonisme moden dimana Islam bukan sekadar mengajar manusia bagaimana untuk hidup tetapi mengajar manusia mengapa kehidupan ini perlu dijalani dengan makna dan kesedaran terhadap Tuhan. Tambahan lagi, Islam menekankan keseimbangan antara tuntutan duniawi dan ukhrawi dalam mencapai kebahagiaan yang sebenar.

Islam Merupakan Agama yang Mengiktiraf Keperluan Fitrah Manusia

Satu perkara yang sangat penting untuk difahami ialah Islam tidak pernah menolak keseronokan secara mutlak, sebagaimana yang sering disalah tafsir oleh sebahagian manusia. Anggapan bahawa agama ini memusuhi hiburan, keindahan dan kegembiraan hidup sebenarnya lahir daripada kefahaman dangkal yang tidak melihat Islam dalam keluasan rahmat dan hikmahnya. Al-Quran sendiri menggambarkan nikmat syurga dengan penuh keindahan makanan, minuman, taman-taman yang menenangkan, serta kehidupan yang dipenuhi kebahagiaan dan kedamaian. Bahkan Nabi Muhammad SAW juga mengajarkan bahawa Allah menyukai hamba-Nya yang mensyukuri nikmat yang dikurniakan kepada mereka. Tidakkah semua ini menunjukkan bahawa Islam memahami fitrah manusia yang mencintai keindahan dan kebahagiaan dalam kehidupan?

Namun pada masa yang sama, Islam datang dengan satu panduan yang sangat halus tetapi penting dalam menjaga fitrah manusia, iaitu keseronokan tidak boleh dibiarkan bebas tanpa arah dan batasan. Islam mengiktiraf kecenderungan manusia terhadap hiburan dan keseronokan tetapi semua itu perlu berjalan selari dengan neraca syariah agar hati tidak hanyut dan jiwa tidak lalai daripada tujuan hidup yang sebenar. Oleh sebab itu, kebahagiaan dalam Islam tidak dibina hanya di atas kepuasan kebendaan atau pemuasan hawa nafsu semata-mata tetapi turut melibatkan ketenangan jiwa, kesejahteraan kerohanian dan hubungan yang dekat dengan Allah SWT. Keseronokan yang tidak dipandu akhirnya mudah melahirkan kelalaian dan kekosongan jiwa tetapi keseronokan yang disertai kesyukuran mampu menjadi jalan mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Di sinilah letaknya perbezaan paling mendasar antara Islam dan hedonisme moden. Pada hakikatnya, Islam tidak menolak keseronokan tetapi menolak apabila keseronokan dijadikan matlamat akhir kehidupan manusia. Dalam pandangan Islam, nikmat dunia adalah kurniaan Allah SWT yang boleh dinikmati selagi tidak melampaui batas syariat dan ia sepatutnya membawa manusia kepada rasa syukur tidak kepada kelalaian.

Perbezaan Konsep Kebahagiaan menurut Islam dan Hedonisme Moden

Konsep kebahagiaan dalam Islam dibina atas asas keimanan yang teguh, ketakwaan yang hidup dalam jiwa, serta penghayatan nilai-nilai kerohanian yang membimbing manusia menuju kesejahteraan di dunia dan akhirat. Dalam kerangka ini, kebahagiaan tidak dilihat sebagai sesuatu yang terpisah daripada hubungan manusia dengan Allah SWT sebaliknya lahir daripada hati yang tunduk, redha dan yakin terhadap ketentuan-Nya. Manakala hedonisme moden lebih cenderung memusatkan perhatian kepada kepuasan diri, kebebasan individu dan kenikmatan kebendaan sebagai ukuran utama kebahagiaan seolah-olah tiada makna hidup yang lebih tinggi daripada rasa senang dan bahagia yang bersifat sementara.

Perbezaan asas ini memperlihatkan bahawa Islam memahami kebahagiaan sebagai satu keadaan yang menyeluruh, mendalam dan bersifat berpanjangan manakala hedonisme moden menjadikannya sesuatu yang bersifat segera dan mudah berubah mengikut keinginan manusia. Dalam erti kata lain, Islam membina kebahagiaan di atas makna, nilai dan hubungan dengan Tuhan, sedangkan hedonisme moden cenderung menilainya melalui keseronokan yang bersifat sementara. Oleh itu, pendekatan Islam kelihatan lebih seimbang dan teguh dalam membentuk kehidupan manusia yang bukan sahaja tenang di permukaan tetapi juga bermakna dan kukuh pada akar jiwa.

Rentetan daripada itu, hakikat kebahagiaan sebenar dalam Islam perlu difahami melalui pandangan Imam al-Ghazali yang menegaskan bahawa kebahagiaan hakiki dicapai apabila seseorang manusia mencapai tahap ketakwaan yang tinggi kepada Allah SWT (al-Ghazali, 2005). Keadaan ini bukan sekadar pencapaian spiritual, bahkan merupakan satu bentuk nikmat dan kurniaan Ilahi yang paling agung kepada hamba-Nya. Oleh itu, ketakwaan menjadi asas utama dalam membentuk makna kebahagiaan yang sebenar menurut perspektif Islam. Tambahan lagi, Prof Syed Muhammad Naquib al-Attas juga menyebut *al-sa'adah* pada manusia adalah kemuncak kebahagiaan terakhir iaitu dengan cara menyerahkan diri secara sukarela kepada Islam dengan beriman kepada Allah SWT dan mentaati segala perintah dan larangan-Nya. Kebahagiaan mempunyai pertalian dengan dua dimensi kewujudan iaitu kewujudan di dunia (*duniawiyyah*) dan di akhirat (*ukhrawiyyah*) (al-Attas, 1995).

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, konsep kebahagiaan dalam Islam berpaksikan kepada keimanan yang kukuh, ketakwaan kepada Allah SWT serta penghayatan nilai-nilai kerohanian yang membimbing manusia menuju kesejahteraan yang hakiki di dunia dan akhirat. Dalam kerangka ini, kebahagiaan tidak pernah terpisah daripada hubungan manusia dengan Allah SWT, bahkan ia lahir daripada hati yang redha, tunduk dan bergantung sepenuhnya kepada-Nya, berbeza dengan hedonisme moden yang menjadikan kepuasan diri serta kenikmatan kebendaan sebagai ukuran utama kebahagiaan yang bersifat sementara dan mudah berubah. Perbezaan ini memperlihatkan bahawa Islam menawarkan makna kebahagiaan yang lebih menyeluruh, mendalam dan berpanjangan kerana ia dibina atas asas nilai, makna dan hubungan yang benar dengan Tuhan. Sudah pasti sebagaimana ditegaskan oleh al-Ghazali, kebahagiaan hakiki dicapai melalui ketakwaan kepada Allah SWT, manakala Syed Muhammad Naquib al-Attas pula menjelaskan bahawa *al-sa'adah* diperoleh melalui penyerahan diri yang benar kepada Islam yang mengharmonikan kehidupan manusia antara tuntutan dunia dan akhirat dalam satu kesatuan makna yang seimbang.

Rujukan

Al-Quran al-Karim. (Rasm Uthmani).

Al-Attas, S. M. N., 1991. *The Concept of Education in Islam: A Framework for an Islamic Philosophy of Education*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).

Al-Attas, S. M. N., 1995. *Haqiqat al-Saadah wa Ma'naha fi'l-Islam (The Meaning and Experience of Happiness in Islam)*. Petaling Jaya: Pelita Zihin Sdn. Bhd..

Al-Ghazali, 2005. *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*. Beirut: Dar Ibn Al Hazm.

Al-Ghazali, 2010. *Kimia al-Sa'adah (Kimia kebahagiaan)*. Kaherah: Dar Al Muqattam.

Crisp, R., 2006. Hedonism Reconsidered. *Philosophy and Phenomenological Research*, pp. 619-645.

Daud, W. M. N. W., 1998. *The Educational Philosophy and Practice of Syed Muhammad Naquib al-Attas: An Exposition of the Original Concept of Islamization*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).

Debord, G., 2014. *The Society of the Spectacle*. Berkeley: Bureau of Public Secrets.

Din, D. H. H. b., 1990. *Manusia dan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Frankl, V. E., 2006. *Man's Search for Meaning*. Boston: Beacon Press.

Hahsim, D. S. N. A. b., 2025. *Peralihan Nilai yang Menggoyahkan Emosi*. [Online] Available at: <https://www.hmetro.com.my/addin/2025/05/1222843/peralihan-nilai-yang-menggoyahkan-emosi>

Hisham, H., 2026. *KPT Serah pada UM tangani Isu Persembahan Teater Tidak Senonoh*. [Online] Available at: <https://www.kosmo.com.my/2026/04/20/kpt-serah-pada-um-tangani-isu-persembahan-teater-tidak-senonoh/> [Accessed 8 Mei 2026].

Khaldun, I., 2002. *Muqaddimah Ibn Khaldun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nietzsche, F., 1966. *Beyond Good and Evil: Prelude to a Philosophy of the Future* (terj. W. Kaufmann). New York: Oxford University Press.

Pustaka, D. B. d., 2010. *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sanusi, R. M., 2026. *JAWI Bantah Penganjuran Rain Rave Water Music Festival 2026*. [Online] Available at: <https://www.sinarharian.com.my/article/777950/berita/nasional/jawi-bantah->

[penganjuran-rain-rave-water-music-festival-2026](#)
[Accessed 8 Mei 2026].

Seligman, M. E. P., 2011 . *Flourish: A Visionary New Understanding of Happiness and Well-being*. New York: Free Press.

Tarikh : 31 Julai 2026

No Siri : 13/2026